
Keberkesanan Bengkel Peperiksaan Akhir DBM20023 Sesi 2 2023/2024 di Politeknik Muadzam Shah

Siti Hadijah binti Norsani¹, Nor ‘Ainaa Syuhada binti Mohd Noor², Nor Sharidah binti Mohd Roslan³

¹ *Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Muadzam Shah,
Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur
E-mail: hadijah@pms.edu.my*

^{2,3} *Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Muadzam Shah,
Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur
E-mail: syuhada@pms.edu.my, sharidah@pms.edu.my*

Abstrak

Bengkel Persediaan Peperiksaan Akhir merupakan satu program yang telah dilaksanakan untuk pelajar-pelajar yang mengambil Peperiksaan Akhir khusus bagi kursus-kursus yang ditawarkan oleh Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Bermula Sesi 2:2023/2024, Bahagian Peperiksaan dan Penilaian JPPKK telah menetapkan syarat lulus Pentaksiran Berterusan 40% dan Peperiksaan Akhir 20% bagi program yang ditawarkan oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai keberkesanan bengkel ini dalam membantu pelajar membuat persediaan menghadapi peperiksaan akhir. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kuantitatif yang melibatkan 157 orang responden daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Muadzam Shah. Rekod pencapaian responden diperolehi melalui Sistem Pengurusan Maklumat Peperiksaan Pelajar. Data kajian dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel. Dapatan kajian mendapati, 61.3% pelajar yang hadir ke bengkel, lulus kursus berkenaan, manakala 38.7% pelajar yang lulus pula adalah pelajar yang tidak menghadiri bengkel. Sebaliknya, peratus pelajar yang gagal dan tidak hadir ke bengkel adalah agak besar iaitu 85.7%. Selain itu, seramai 64% pelajar yang mendapat gred C dan ke atas adalah pelajar menghadiri bengkel manakala bakinya sebanyak 36% lagi merupakan pelajar yang tidak menghadiri bengkel. Oleh itu, bengkel ini wajar diteruskan kerana memberi impak yang tinggi kepada pelajar yang menghadirinya

Keywords : *Keberkesanan, Bengkel persediaan, kehadiran, kelulusan*
